

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG**  
**[ BUKIT MERTAJAM ]**

**TARIKH : 21.5.2015**

**SOALAN :**

**Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pecahan peruntukan pembangunan dan mengurus bagi setiap sekolah SRJKC, SRJKT, Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Mubaligh di Pulau Pinang dari 2004-2014.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyalurkan peruntukan kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang sebanyak RM2,053,640,720 bagi tahun 2013 dan tahun 2014 sebanyak RM1,420,678,095. Peruntukan ini merangkumi perbelanjaan mengurus emolumen dan pengoperasian semua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan.

Selain daripada itu, KPM juga menyalurkan peruntukan pembangunan bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Mubaligh di Pulau Pinang. Jumlah peruntukan pembangunan yang disalurkan ke sekolah-sekolah tersebut bermula pada tahun 2004 hingga 2014 adalah seperti yang berikut:

1. Sebanyak RM4.07 juta untuk SJKC;
2. Sebanyak RM495,000.00 untuk SJKT;
3. Sebanyak RM482,605.00 untuk SAR; dan
4. Sebanyak RM195,000.00 untuk Sekolah Mubaligh.

RJM26